



# JOJAPS

eISSN 2504-8457



Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

## Persepsi Pelajar Terhadap Kursus DPB20053 – *Business Mathematics*: Faktor- Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Mukah

Sapiah binti Ishak & Norazlina binti Daut

Mukah Polytechnic, KM 14 Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak

### Abstract

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan terhadap kursus DPB20053 Business Mathematics. Sampel kajian terdiri dari pelajar semester dua dari Jabatan Perdagangan, Politeknik Mukah dari segi minat, sikap dan latar belakang pelajar terhadap. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang pelajar diploma pengurusan perniagaan semester dua dari jabatan perdagangan, Politeknik Mukah, Sarawak. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama iaitu maklumat berkenaan latar belakang responden dan persoalan kajian. Soal selidik ini digunakan untuk mengenalpasti latar belakang pendidikan, sikap dan minat terhadap pelajar terhadap kursus yang melibatkan pengiraan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science) bagi mendapatkan nilai min dan kekerapan. Hasil kajian menunjukkan dengan pengaruh pelajaran matematik yang telah dipelajari sejak di sekolah rendah telah mendorong pelajar meminati subjek Business Mathematics dengan lebih tinggi. Walaupun persepsi pelajar bagi kursus ini adalah kursus yang sukar dan membosankan, namun pelajar tetap bersedia mempelajarinya. Malah pelajar juga mempunyai minat yang baik dalam kursus ini kerana ia mendorong mereka menggunakan akal untuk menyelesaikan masalah matematik.

© 2020 Published by JOJAPS Limited

Key-word: - kursus, matematik, persepsi, minat, sikap, latar belakang

### 1. Pengenalan

Matematik adalah salah satu subjek atau kursus yang bukan asing dalam kehidupan kita. Matematik telah dikenali sejak kita lahir lagi apabila umur, berat, panjang atau tinggi bayi baru lahir dikira dengan nombor. Malah sebagai ibubapa juga menginginkan anak-anak mereka mengenali matematik sebelum mendapatkan pendidikan rasmi di peringkat sekolah nanti. Pembelajaran matematik ini berterusan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Di peringkat pengajian di politeknik juga tidak ketinggalan. Terdapat beberapa program pengajian yang mewajibkan para pelajar mengambil kursus matematik yang dikenali sebagai Matematik Pengurusan atau *Business Mathematics*. Antaranya adalah seperti pelajar program Diploma Pengajian Perniagaan.

Kursus matematik diperingkat ini dikenali dengan kod dan nama kursus *DPB20053 – Business Mathematics*. Ia merupakan kursus yang dikategorikan di bawah kursus teras disiplin di bawah Jabatan Perdagangan untuk program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) dan Diploma Akauntansi (DAT) di Politeknik Mukah khususnya. Ini bermaksud semua pelajar semester dua DPM dan semester satu DAT di Politeknik Mukah wajib untuk mengikuti kursus ini.

Matematik Perniagaan menyediakan pengetahuan tentang pelbagai konsep asas matematik, masalah pengurusan dan teknik penyelidikan asas operasi berdasarkan kaedah kewangan dan kuantitatif. Kursus ini menekankan penerapan konsep dan penyelesaian matematik dalam perniagaan dan pengurusan. Apatah lagi, kursus ini juga memberikan maklumat dan mendedahkan pelajar kepada amalan asas dalam dunia perniagaan dan kewangan.

Apa yang menjadi permasalahan adalah apabila pelajar bidang pengajian perniagaan di lihat kurang menyerlah dari segi keputusan peperiksaan mereka berbanding pelajar yang mengambil bidang perakaunan sedangkan silibus yang digunakan adalah sama serta rujukan yang sama.

## 2. Metodologi

Menurut Dzulkarnain (2018), metodologi kajian merupakan suatu proses yang digunakan untuk mengutip maklumat dan data bertujuan untuk membantu membuat sesuatu keputusan. Malah menurut beliau juga bahawa ia juga dikatakan sebagai satu set kaedah, peraturan dan idea yang lagi penting dalam bidang sains atau sosial. Kaedah soal selidik dipilih sebagai instrument utama bagi mengkaji pembolehubah berkaitan dengan faktor seperti persepsi, minat, sikap dan latar belakang pelajar terhadap kursus Business mathematics. Data yang diperolehi dianalisa secara kuantitatif berdasarkan kaedah yang bersesuaian dalam pemprosesan data. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan perisian statistik *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan antara ujian yang dijalankan untuk memperolehi maklumat berkaitan data yang telah dikumpul melalui borang kaji selidik ialah min. Item-item soal selidik disusun mengikut kebolehpercayaan yang diperolehi seperti jadual di bawah yang diguna pakai dalam kajian sebenar.

**Jadual 4.1 Kebolehpercayaan Soalan**

| <i>Faktor</i>         | <i>Bil. Soalan/item</i> | <i>Nilai Alpha</i> |
|-----------------------|-------------------------|--------------------|
| <i>Persepsi</i>       | 6                       | 0.802              |
| <i>Minat</i>          | 8                       | 0.832              |
| <i>Sikap</i>          | 5                       | 0.709              |
| <i>Latar belakang</i> | 8                       | 0.777              |

Rasional pemilihan aspek-aspek ini adalah atas beberapa perkara iaitu:-

- a. Pensyarah dapat mengetahui apakah persepsi pertama pelajar semasa pertemuan pertama kuliah.
- b. Pelajar dan pensyarah dapat sama-sama mengenalpasti dimanakah punca pelajar tidak meminati kursus yang melibatkan pengiraan agar ianya dapat diatasi semasa proses PdP.
- c. Pensyarah dapat mengetahui kaedah yang bersesuaian dalam teknik pengajaran agar ianya dapat disesuaikan dengan tahap pengetahuan semasa pelajar.

Data ini dikutip sendiri oleh pengkaji setelah responden mengisi sendiri soal selidik kerana kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar sesi semasa yang diajar sendiri oleh pengkaji. Kajian ini adalah berbentuk soal selidik sebagai kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana. Soal selidik yang telah dibentuk ini ditadbir untuk mengumpul data yang diperlukan bagi mendalami persoalan kajian yang ingin diketahui. Kajian ini dijalankan di Politeknik Mukah. Populasi bagi kajian ini adalah kesemua pelajar semester 2 dari program DPM sesi Jun 2019 yang mengambil kursus DPB20053 Business Mathematics. Jika mengikut jadual penentuan sampel oleh Krecjie dan Morgan (1970) menunjukkan bahawa dengan bilangan 70 orang populasi maka 59 daripadanya boleh dijadikan sampel kajian. Namun pengkaji memutuskan untuk mengambil kesemua mereka sebagai sampel dalam kajian ini kerana pengkaji juga merupakan pensyarah yang mengajar pelajar-pelajar ini. Jadi ianya memudahkan data diperolehi secara langsung.

## 3. Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian dari SPSS yang diperolehi akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan penerangan. Oleh itu, kajian yang diperolehi adalah berkaitan dengan maklumat-maklumat yang terdapat di dalam boring soal selidik yang telah diedarkan kepada 70 responden yang terdiri daripada pelajar semester dua dari program DPM, jabatan Perdagangan, Politeknik Mukah, Sarawak bagi sesi Jun 2020. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian itu bahagian A tersiri dari soalan berkaitan jantina, bangsa, kelulusan terdahulu, aliran pengajian semasa sekolah menengah serta latar belakang ibubapa seperti tahap Pendidikan dan pekerjaan mereka.

## 4. Latar Belakang Responden

Hasil dari dapatan kajian ini mendapati bahawa pelajar perempuan lebih mendominasi berbanding pelajar lelaki iaitu seramai 47 orang dimana pelajar lelaki adalah seramai 23 orang sahaja. Situasi ini adalah perkara biasa di mana-mana pusat pengajian tinggi terutamanya bidang perdagangan yang biasanya majoriti dikuasai oleh pelajar wanita.

**Jadual 2** Peratusan pelajar mengikut jantina

| Jantina   | Kekerapan | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Lelaki    | 23        | 32.9    |
| Perempuan | 47        | 67.1    |

Dari segi bangsa pula suku kaum dari etnik Sarawak adalah paling ramai sekali yang mengambil kursus ini iaitu seramai 46 orang berbanding kaum melayu yang hanya 20 orang dan kaum cina 4 orang sahaja. Maklumat ini sememangnya telah dijangka memandangkan lokasi kajian hanyalah melibatkan pelajar dari Mukah, Sarawak sahaja. Namun begitu, kaum melayu yang termasuk dalam bilangan ini adalah melayu Sarawak dan melayu Semenanjung.

**Jadual 3** Peratusan pelajar mengikut kaum

| Kaum      | Kekerapan | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Melayu    | 20        | 28.6    |
| Cina      | 4         | 5.7     |
| Lain-lain | 46        | 65.7    |

Kesemua pelajar yang mengambil kursus DPM bagi sesi Jun 2019 ini 100% adalah pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Aliran pengajian mereka pula majoritinya adalah dari bidang sastera seramai 60 orang berbanding pelajar dari aliran sains. Maklumat ini menggambarkan bahawa asas matematik yang ada oleh 85.% ini adalah matematik moden sahaja berbanding pelajar aliran sains yang mempelajari matematik tambahan yang melibatkan aras kemahiran matematik yang lebih tinggi.


**Jadual 4** Latar belakang pendidikan terdahulu pelajar

| Item                            | Kekerapan | Peratus |
|---------------------------------|-----------|---------|
| Latar belakang Pendidikan – SPM | 70        | 100     |
| Aliran :-                       |           |         |
| Sains Tulen                     | 2         | 2.9     |
| Sains Fizikal                   | 3         | 4.3     |
| Sastera                         | 60        | 85.7    |
| Lain-lain                       | 5         | 7.1     |

Jika dilihat dari sudut latar Pendidikan dan pekerjaan ibubapa pelajar -pelajar ini pula, didapati hanya terdapat 2 orang sahaja dalam kalangan ibubapa pelajar yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi dan setara dengan ijazah. Namun bilang yang mempunyai tahap Pendidikan yang tertinggi adalah SPM malah kedudukan kedua tertinggi adalah lain-lain yang mungkin mendapat pendidikan setakat Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau setara dengannya. Namun hasil tinjauan rambang pengkaji mendapati bahawa ada antara ibubapa pelajar ini mendapat tahap pendidikan yang tertinggi adalah sehingga darjah 6 sahaja. Situasi ini menggambarkan tahap pendidikan ibu bapa juga mampu mempengaruhi naka-anak dalam kemampuan mereka membantu anak-anak menyelesaikan masalah pelajaran mereka.

**Jadual 5** Latar belakang pendidikan ibubapa pelajar

| Pendidikan         | Kekerapan | Peratus |
|--------------------|-----------|---------|
| PHD/Masters/Ijazah | 2         | 2.9     |
| Diploma            | 5         | 7.1     |
| SPM                | 32        | 45.7    |
| Lain-lain          | 31        | 44.3    |



**Carta 1** Peratusan jenis pekerjaan ibubapa pelajar

Kesan dari itu juga dapat mempengaruhi jenis pekerjaan yang diperolehi oleh ibubapa pelajar ini iaitu majoriti mereka adalah bekerja sendiri iaitu sebanyak 39% atau seramai 27 orang. Ada antara mereka yang bekerja sebagai pekebun, nelayan dan peniaga kecil-kecilan. Namun situasi ibubapa tidak bekerja sebenarnya mampu menjadi satu faktor pelajar agak tertanggu dengan situasi ekonomi keluarga mereka yang boleh menjejaskan konsentrasi mereka dalam pelajaran walaupun bilangan mereka hanya 4 orang. Oleh itu pelajar yang sebegini harus diberi perhatian yang lebih agar mereka dapat dibantu sebaiknya.

### Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi

Terdapat empat aspek yang dikaji iaitu yang pertama adalah aspek persepsi pelajar terhadap kursus *Business Mathematics*.

**Jadual 6** Analisa min PERSEPSI

|   | Mean | N  |
|---|------|----|
| Saya merasakan kursus <i>Business Mathematics</i> merupakan subjek yang susah                 | 3.40 | 70 |
| Saya tidak suka nombor dan apa sahaja subjek berbentuk pengiraan                              | 2.63 | 70 |
| Saya rasa sangat susah untuk menyelesaikan masalah (soalan) dalam <i>Business Mathematics</i> | 3.23 | 70 |
| Subjek pengiraan merupakan subjek yang membosankan  | 2.34 | 70 |
| Saya sentiasa rasa malas untuk hadir ke kelas <i>Business Mathematics</i>                     | 1.86 | 70 |
| Saya sentiasa berasa risau dan bimbang apabila berada dalam kelas <i>Business Mathematics</i> | 2.81 | 70 |

Didapati bahawa pelajar mempunyai persepsi bahawa matematik adalah susah. Ini terbukti apabila pernyataan *saya merasakan kursus Business Mathematics merupakan subjek yang susah* dengan memperoleh nilai min 3.4. Kesukaran ini disokong dengan pernyataan yang mempunyai nilai min kedua tertinggi iaitu *saya rasa sangat susah untuk menyelesaikan masalah (soalan) dalam Business Mathematics* sebanyak 3.23. Persepsi awal mereka ini mungkin adalah berdasarkan pengalaman lepas mereka semasa di peringkat sekolah atau mungkin juga pelajar dari sesi yang terdahulu. Didapati juga kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan *saya sentiasa rasa malas untuk hadir ke kelas Business Mathematics* dengan nilai min terendah iaitu 1.86. Ini bermakna pelajar mempunyai keinginan dan kesungguhan untuk hadir ke kelas ini.

**Jadual 7** Analisa min MINAT

|  | Mean | N  |
|--|------|----|
| Saya suka dengan subjek yang melibatkan pengiraan  | 3.26 | 70 |
| Saya suka menghadiri kelas Business Mathematics  | 3.76 | 70 |
| Saya suka membuat latihan Business Mathematics yang diberikan                                      | 3.69 | 70 |
| Saya suka menyelesaikan masalah dalam Business Mathematics   | 3.33 | 70 |
| Membuat latihan dan menyelesaikan masalah dalam Business Mathematics membuatkan otak saya berfikir | 4.16 | 70 |
| Saya banyak menghabiskan masa untuk membuat latihan Business Mathematics                           | 3.11 | 70 |
| Berjaya membuat dan menyiapkan latihan Business Mathematics merupakan satu kepuasan bagi saya      | 4.24 | 70 |
| Saya seronok belajar Business Mathematics  | 3.56 | 70 |

Faktor yang kedua dikaji adalah minat. Pelajar berpendapat bahawa kejayaan mereka membuat dan menyiapkan latihan *Business Mathematics* adalah satu kepuasan bagi mereka dengan nilai min tertinggi iaitu 4.24 diikuti dengan pernyataan *membuat latihan dan menyelesaikan masalah dalam Business Mathematics membuatkan otak saya berfikir* dengan nilai min 4.16. Ini bermakna pelajar bersetuju bahawa mereka meminati subjek matematik kerana ia adalah satu subjek yang mampu menjadikan mereka bijak dalam pengiraan.

**Jadual 8** Analisa min SIKAP

|   | Mean | N  |
|---|------|----|
| Menghadiri kelas Business Mathematics merupakan komitmen saya sebagai seorang pelajar       | 4.23 | 70 |
| Saya sentiasa menyiapkan latihan/ tugas Business Mathematics yang diberikan                 | 3.69 | 70 |
| Saya boleh memberi tumpuan yang penuh semasa kelas Business Mathematics berjalan            | 3.37 | 70 |
| Saya akan merujuk kepada pensyarah jika saya tidak faham tentang sesuatu topik              | 3.37 | 70 |
| Saya akan pastikan saya faham tentang sesuatu topik yang diajar sebelum memasuki topik baru | 3.60 | 70 |

Seterusnya adalah faktor yang ketiga iaitu faktor sikap pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sanggup memberikan komitmen yang tinggi bagi membolehkan mereka hadir ke kelas matematik seperti yang dijadualkan dengan nilai min sebanyak 4.23. Ini disokong dengan pernyataan dari hasil dapatan terendah dalam faktor persepsi dengan nilai min 1.86. sikap pelajar yang juga sentiasa berusaha untuk kursus matematik ini menunjukkan sikap mereka yang positif terhadap kursus ini dan mempunyai keyakinan yang semakin meningkat berbanding persepsi awal.

**Jadual 9** Analisa min LATAR BELAKANG PELAJAR

|   | Mean | N  |
|---|------|----|
| Sejak kecil (tadika/sekolah rendah) saya telah didedahkan dengan nombor dan pengiraan                       | 4.29 | 70 |
| Saya suka dengan permainan yang melibatkan pengiraan (matematik)  | 3.39 | 70 |
| Saya boleh menggunakan kaedah congak dalam pengiraan  | 3.07 | 70 |
| Saya boleh menghafal sifir 1 hingga 12 dengan baik  | 3.46 | 70 |
| Saya faham dan ingat tentang konsep asas dalam matematik  | 3.13 | 70 |
| Semasa di peringkat sekolah (rendah/menengah), ibu/bapa saya sering menekankan kepentingan subjek matematik | 3.61 | 70 |
| Ibu/bapa saya pernah membantu saya dalam mengulangkaji dan menyelesaikan masalah matematik                  | 3.64 | 70 |
| Ibu/bapa saya juga bagus dalam matematik  | 3.44 | 70 |
| Saya sering mendapat keputusan yang cemerlang dan baik (Gred A dan B) dalam matematik                       | 2.44 | 70 |

Faktor yang terakhir dalam kajian ini adalah faktor latar belakang pelajar yang berkaitan dengan matematik. Responden bersetuju dengan pernyataan di mana mereka memperoleh ilmu matematik sejak dari prasekolah atau sekolah rendah yang memberikan nilai min tertinggi sebanyak 4.29. Walaupun pernyataan *saya sering mendapat keputusan yang cemerlang dan baik (Gred A dan B) dalam matematik* mendapat nilai skor min yang terendah iaitu 2.44, namun ianya menggambarkan bahawa mereka pernah memperolehi keputusan yang cemerlang dalam matematik. Hanya sebahagian bilangan responden sahaja yang belum dapat menguasai matematik dengan baik yang mungkin disebabkan oleh faktor kemahiran mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam menjawab soalan masih rendah.

## 5. Kesimpulan

Pada awalnya pelajar merasakan bahawa kursus ini adalah sukar dan rumit untuk diselesaikan. Namun megakui bahawa subjek matematik mampu mengasah minda mereka dari segi kecekapan menyelesaikan masalah. Malah hasil dari usaha pelajar yang memathui jadual kelas dan rajin menghadiri diri ke kelas matematik mampu memberi impak yang baik di akhir pengajian mereka nanti. Walaupun begitu, pelajar harus sedar bahawa subjek matematik ini bukanlah sesusah yang mereka bayangkan walaupun tanpa latar belakang matematik yang hebat. Ini kerana matematik adalah perkara yang tidak asing dalam kehidupan manusia.

**Jadual 10** Analisa purata min

| Faktor                        | Nilai Min | Interpretasi |
|-------------------------------|-----------|--------------|
| Minat                         | 3.23      | Sederhana    |
| Sumber dorongan pelajar       | 3.81      | Tinggi       |
| Pengaruh program keusahawanan | 4.34      | Tinggi       |

Pelajar disarankan agar melihat kembali apakah kaedah pembelajaran sendiri yang mereka lakukan. Walaupun usaha hadir ke kelas dan bertanya kepada pensyarah perkara yang tidak difahami, tetpai latihan yang lebih perlu dibuat bagi memahirkan mereka dalam menyelesaikan soalan matematik. Pelajar juga boleh melakukan aktiviti pembelajaran berkumpulan dengan melantik pelajar yang bijak matematik sebagai ketua kumpulan yang mampu membantu ahli kumpulan menguasai topik yang tidak mereka mahir.

Kaedah ini bukan sahaja membantu mereka meningkatkan kefahaman dalam subjek ini malah meningkatkan lagi kemahiran komunikasi mereka dalam kumpulan. Dari sudut pengajaran pula, pensyarah sememangnya mempunyai kemahiran yang baik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan mereka. Malah bagi memantapkan lagi kualiti pengajaran mereka pensyarah boleh mempelajari pelbagai Teknik penyampaian pengajaran yang berkesan agar ianya lebih sesuai mengikut tahap dan kemampuan pelajar yang pelbagai.

Menurut Noridahayu et al. mendapati bahawa faktor pengajaran guru mempunyai pengaruh secara langsung dan kuat dalam memastikan keberkesanan PdP di dalam bengkel amalan masakan. Pernyataan ini turut disokong oleh Nor Khayati (2017) juga mendapati bahawa pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) yang menekankan ciri-ciri pembelajaran dunia sebenar dengan mengutamakan pembelajaran secara kolaboratif dan teknik 'hands on' akan memberi rangsangan kepada pelajar untuk membentuk sikap pembelajaran yang positif.

Oleh itu bagi menggalakkan lagi minat pelajar serta memotivasikan pelajar menyukai subjek matematik, di sini para pensyarah mempunyai peranan yang penting dalam memastikan kualiti pelajar yang dihasilkan. Pelbagaikan aktiviti di dalam kelas dan bersesuaian dengan topik yang ada seperti membuat seminar yang berkaitan topik Faedah (*Interest*). Situasi pembelajaran yang berlainan mampu memberi maklumat kepada pelajar bahawa ilmu matematik yang mereka pelajari sebenarnya mereka akan aplikasikan dalam kehidupan mereka kelak.

## Rujukan

- Dzulkarnain Musa (2018) Penyelidikan Perniagaan: pendekatan Kuantitatif Kepada Penyelidik Baharu, Dzulkarnain Musa, Changlun, Kedah.
- Mohmadisa bin Hashim (2003) Kecenderungan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Memilih Minor Geografi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Adibah Abdullah, Nur E'zzatul Hamizah mukhtar & Nurzarina Amran (2020) Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Berasaskan Perisian Matematik, UTM Press
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak (2017) Sikap dalam Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar di Politeknik Perak, Tinta Artikulasi Membina Ummah 3(1), 2017 1-14, e-ISSN: 2289-960X
- Noridahayu binti Md Husain, Norhayati binti Ali & Dalilah binti Rubi (2015) Keberkesanan Proses PdP di dalam Bengkel Amali Masakan di Sekolah Menengah Harian Negeri Johor, EDUCATUM - Journal of Science, Mathematics and Technology Vol. 2 No.1 (2015) 48 – 60 ISSN 2289-7070
- Norziah Othman, Safura Ahmad Sabri, Noraznida Husin & Nursyaheera Atan (2017), Pencapaian dan Penguasaan Dalam Matematik Melalui Tugas Berbentuk Keusahawanan, Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017) e-ISBN: 978-967-2122-15-9